

Sebarang komen atau sumbangan berbentuk artikel dan hasil penulisan boleh berhubung terus dengan saudara Apa(mShanafi@y7mail.com) dan saudari Nurul Ainun(a_nurui1@yahoo.com). Kerjasama dan bantuan anda didahului dengan ucapan terima kasih. Jazakallah...

Salam Maulidur Rasul

Assalamualaikum Wrh Wbt, segala puji bagi Allah, Rabb sekalian alam. Maha suci Allah atas segala kekuasaan dan keagungannya. Selawat dan salam ke atas jujungan besar baginda, Rasulullah SAW. Al-Qalam lidah rasmi kerohanian Dewan Malaysia kembali meneruskan agenda menjadi wadah didikan dan peringatan kepada komuniti Islam Malaysia di Sydney. Selamat berkenalan dan selamat bertemu kembali diucapkan kepada komuniti pelajar di Sydney yang semakin bertambah dan meriah. Salam Maulidur Rasul buat semua.

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah. (Al-Ahzab :21)

Rasulullah SAW menjadi ikon (role model) yang sangat terkenal dikalangan umat Islam seperti yang telah termaktub di dalam Al Quran. Kehadirannya membawa rahmat dan perubahan besar di seluruh alam sehinggakan Allah sekali lagi mengangkat martabat Rasulullah dalam firmanNya:

Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. (al anbiya' :107)

Malah, kaum bukan muslim juga mengiktiraf kehebatan Rasulullah SAW. "My choice of Muhammad to lead the list of the world's most influential persons may surprise some readers and may be questioned by others, but he was the only man in history who was supremely successful on both the religious and secular level." Michael H. Hart, THE 100: A RANKING OF THE MOST INFLUENTIAL PERSONS IN HISTORY, New York: Hart Publishing Company, Inc., 1978.

Saban tahun kita menyambut maulud nabi dan berzanji memuji-muji baginda. Tetapi, cukupkah sekadar itu bukti kecintaan kita kepadanya? Kita mengakui beriman kepada Allah dan Rasulullah SAW, namun realitinya semakin banyak cela yang termampak dalam masyarakat kita. Jika disoroti sirah para sahabat, generasi awal dijanjikan generasi terbaik, generasi yang gemilang, dicerminkan dengan aqidah yang cukup mantap, akhlak yang terpuji, ilmu yang tinggi dan amal dengan amalan yang soleh.

Individu cemerlang dan umat gemilang yang ingin direalisasikan terlebih dahulu memerlukan kita untuk mengenali Rasulullah SAW. Kenal peribadi dan amalan baginda, ketaatan dan taqwa baginda terhadap perintah Allah SWT. Kecintaan Rasulullah SAW terhadap Allah SWT perlu kita selami dan terapkan dalam hati. Kita selusuri peranan generasi awal dalam pembentukan masyarakat Islam yang sebenar. Semoga nikmat masa yang dikurniakan Allah dapat digunakan untuk kita mempelajari keberibadian Rasulullah SAW kerana baginda adalah contoh ikutan yang hakiki. Bukti cinta bukannya sekadar lafaz di bibir...

ETIKA PERGAULAN DAN BATAS PERGAULAN DI ANTARA LELAKI DAN WANITA MENURUT ISLAM.

1. Menunjukkan pandangan

ALLAH memerintahkan kaum lelaki untuk menundukkan pandangannya, sebagaimana firman- NYA; Katakanlah kepada laki-laki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya. (an-Nuur: 30)

Sebagaimana hal ini juga diperintahkan kepada kaum wanita beriman, ALLAH berfirman; Dan katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya. (an- Nuur: 31)

2. Menutup Aurat

ALLAH berfirman dan janglah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka melabuhkan kain tudung ke dadanya. (an-Nuur: 31)

Juga Firman-NYA; Hai nabi, katakanlah kepada isteri isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri- isteri orang mukmin: Hendaklah mereka melabuhkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah dikenali, kerana itu mereka tidak diganggu. Dan ALLAH adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (an-Nuur: 59).

Perintah menutup aurat juga berlaku bagi semua jenis. Dari Abu Daud Said al-Khudri r.a. berkata: Rasulullah SAW bersabda: Janglah seseorang lelaki memandang aurat lelaki, begitu juga dengan wanita jang melihat aurat wanita.

3. Adanya pembatas antara lelaki dengan wanita

Kalau ada sebuah keperluan terhadap kaum yang berbeza jenis, harus disampaikan dari balik tabir pembatas. Sebagaimana firman-NYA; Dan apabila kalian meminta sesuatu kepada mereka (para wanita) maka mintalah dari balik hijab. (al-Ahzaab: 53)

4. Tidak berdua-duaan Di Antara Lelaki Dan Perempuan

Dari Ibnu Abbas r.a. berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Janglah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama mahramnya. (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Dari Jabir bin Samurah berkata; Rasulullah SAW bersabda: Janglah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan seorang wanita, kerana syaitan akan menjadi ketiganya. (Hadis Riwayat Ahmad & Tirmidzi dengan sanad yang sahih)

5. Tidak Melunakkan Ucapan (Percakapan)

Seorang wanita dilarang melunakkan ucapannya ketika berbicara selain kepada suaminya. Firman ALLAH SWT; Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janglah kamu tunduk dalam berbicara (berkata-kata yang menggoda) sehingga berkeinginan orang yang ada penyakit di dalam hatinya tetapi ucapkanlah perkataan-perkataan yang

REHUNGAN...

tegurannya kemarahan
tegurannya mengkritik
tegurannya mengabaikan
tegurannya mengingatkan
sekadar mengingatkan yang terleka
yang terlalai

tegurannya adalah nasihat
nasihat adalah keperluan
apa guna saudara sesama Islam
kalau bukan untuk nasihat-menasihati
nasihat-menasihati untuk
kesejahteraan ke arah kebaikan
bukan untuk menambah musuh
jangan kerana sukar menerima nasihat
yang memberi nasihat pula dikritik
lebih baik dihayati nasihat yang disampaikan
hayati kebenaran di sebalik nasihat itu
sentiasa muhasabah diri...

Senyum kalian bagi saudaranya adalah sedekah, beramar ma'ruf dan nahi mungkar yang kalian lakukan untuk saudaranya adalah sedekah, dan kalian menunjukkan jalan bagi seseorang yang tersesat adalah sedekah. (Hadis Riwayat At Tirmizi dan Abu Dzar)

Orang yang menunjukkan kebaikan kepada anda adalah sahabat yang baik. Dan orang yang menunjukkan kesalahan anda adalah sahabat yang paling baik. (Hukumak)

Orang yang berilmu dia selalu menang dalam pergaulan kerana dia membiasakan diri; caci, disambut dengan sernyuman, penghinaan ditangkis dengan lemah lembut, kemarahan dibalas dengan diam dan kejahatan dibalas dengan kebaikan.

(Dr H M Tuah Iskandar)

PENGUMUMAN!!!


PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1429H 'PRACTISING ISLAM IN A HOSTILE ENVIRONMENT'

Tarikh : 23 Mac 2008 (Ahad)

Masa : 10 pagi - 1 petang

Tempat: Dewan Malaysia Sydney

Anjuran : Persatuan Pelajar Melayu Sydney (PPMS)



TENTATIF:

10.00 PAGI : KETIBAAN TETAMU

10.15 PAGI : KETIBAAN TUAN HJ MUSA

MANSOR PENGARAH, JABATAN
PENUNTUT MALAYSIA, AUSTRALIA

10.20 PAGI : UCAPAN ALUAN Pengerusi

MAJLIS

10.25 PAGI : BACAAN DOA

10.30 PAGI : UCAPAN RINGKAS OLEH USTAZ

ZUHR ABDUL RAHMAN,

ATTACHE PENDIDIKAN JABATAN

PENUNTUT MALAYSIA, AUSTRALIA

10.40 PAGI : PERASMIAN MAJLIS OLEH TUAN

HJ. MUSA MANSOR, PENGARAH
JABATAN PENUNTUT MALAYSIA
AUSTRALIA

10.50 PAGI : PEKONGSIAN ILMU-WAKIL
PELAJAR POSTGRADUATE

11.10 PAGI : PEKONGSIAN ILMU-WAKIL
PELAJAR UNDERGRAD

11.30 PAGI : JAMUAN MAKAN &
TAYANGAN FILEM

1.00 PTG : MAJLIS BERSURAI

PERHATIAN: PAMERAN AKAN DIMULAKAN
SELEPAS MAJLIS PERASMIAN DAN BERLANG-
SUNG SEPANJANG PROGRAM



Kemuliaan Selawat ke atas Baginda


Diriwayatkan oleh Abu Na'im di dalam kitab 'Al-Hilyah' bahawa seorang lelaki lalu disisi Nabi s.a.w. dengan membawa seekor kijang yang ditangkannya. Lalu Allah Taala (Yang berkuasa menjadikan semua benda-benda bercakap) telah menjadikan kijang itu bercakap kepada Nabi s.a.w. "Hai Pesuruh Allah, sesungguhnya aku ada mempunyai beberapa ekor anak yang masih menyusu, dan sekarang aku sudah ditangkap sedangkan mereka sedang kelaparan, oleh itu haraplah perintahkan orang ini melepaskan aku supaya aku dapat menyusukan anak-anakku itu dan sesudah itu aku akan balik ke mari." Bersabda Rasulullah s.a.w. "Bagaimana kalau engkau tak balik ke mari semula?" Jawab kijang itu: "Kalau aku tidak balik ke mari, nanti Allah Taala akan melaknatku sebagaimana ia melaknatkan orang yang tidak mengucapkan selawat bagi engkau apabil disebut nama engkau disisinya."

Lalu Nabi s.a.w. pun bersabda kepada orang itu : "Lepaskan kijang itu buat sementara waktu dan aku jadi penjaminnya." Kijang itupun dilepaskan dan kemudian ia kembali ke situ semula. Maka turunlah malaikat Jibril a.s. dan berkata : "Hai Muhammad, Allah Taala mengucapkan salam kepada engkau dan ia (Allah) berfirman: " Demi KemuliaanKu dan Ke hormatanKu, sesungguhnya aku lebih kasihkan umat Muhammad daripada kijang itu kasihkan anak-anaknya dan aku akan kembalikan mereka kepada engkau sebagaimana kijang itu kembali kepada engkau."

Alhamdulillah...marilah memperbanyakkan bersyukur dan berselawat kerana kita tergolong dalam umat Muhammad.

Dari Ibnu Abbas r.a
Rasulullah SAW' bersabda:

2 MATA yang
tidak akan disentuh
API NERAKA...



mata yang
berhitasah
(berjaga
malam)
di jalan ALLAH



mata yang
menangis kerana
takutkan ALLAH

(HR Al-Termidhi - Hasan Sahih)



baik. (al-Ahzaab: 32)

Berkata Imam Ibnu Kathir; Ini adalah beberapa etika yang diperintahkan oleh ALLAH kepada para isteri Rasulullah SAW serta kepada para wanita mukminah lainnya, iaitu hendaklah dia kalau berbicara dengan orang lain tanpa suara merdu, dalam pengertian janglah seorang wanita berbicara dengan orang lain sebagaimana dia berbicara dengan suaminya. (Tafsir Ibnu Kathir 3/350)

6. Tidak Menyentuh Kaum Berlainan Jenis

Dari Maqil bin Yasar r.a. berkata; Seandainya kepala seseorang ditusuk dengan jarum besi itu masih lebih baik daripada menyentuh kaum wanita yang tidak halal baginya. (Hadis Hasan Riwayat Thabrani dalam Mujam Kabir)

Berkata Syaikh al-Abani

Rahimahullah; Dalam hadis ini terdapat ancaman keras terhadap orang-orang yang menyentuh wanita yang tidak halal baginya. (Ash Shohihah 1/44) Rasulullah SAW tidak pernah menyentuh wanita meskipun dalam saat-saat penting seperti membaaiat dan lain-lainnya. Dari Aishah berkata; Demi ALLAH, tangan Rasulullah tidak pernah menyentuh tangan wanita sama sekali meskipun saat membaaiat. (Hadis Riwayat Bukhari)

Inilah sebahagian etika pergaulan lelaki dan wanita selain mahram, yang mana apabila seseorang melanggar semuanya atau sebahagiannya saja akan menjadi dosa zina baginya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW; Dari Abu Hurairah r.a.: Sesungguhnya ALLAH menetapkan untuk anak adam bahagiannya dari zina, yang pasti akan mengenainya. Zina mata dengan memandang, zina lisan dengan berbicara, sedangkan jiwa berkeinginan serta berangan-angan, lalu farij yang akan membenarkan atau mendustakan semuanya. (Hadis Riwayat Bukhari, Muslim & Abu Daud)

Padahal ALLAH SWT telah melarang perbuatan zina dan segala sesuatu yang boleh mendekati kepada perbuatan zina. Sebagaimana Firman-NYA; Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk. (al-Isra: 32)

ANCAMAN HALUS

Dalam satu hadith (bersifat futuristik) Rasulullah SAW berpesan "Bersegeralah kamu melakukan amalan soleh kerana akan datang kepada umatku di suatu masa, satu fitnah yang begitu besar yang datangnya seperti satu kepincangan hitam di malam gelap gelita tak nampak". Sahabat bertanya "Apakah fitnah besar itu ya Rasulullah?" "Fitnah itu adalah kamu akan lihat umatku di hari itu, di waktu itu, pada masa itu, pagi hari Islam, petang kafir. Petang Islam, pagi kafir balik." Sahabat bertanya lagi. "Mengapa begitu ya Rasulullah?" Rasulullah SAW menjawab, Sebab dia jual agamanya dengan nilai dunia".

Realiti pada hari ini, kita dapat menyaksikan apa yang dinyatakan dalam hadith ini berlaku ke atas masyarakat kita, Islam hatta Melayu. Ajaran suci Islam yang kita anuti semakin di'liberal'kan, segala fahaman dan peraturan dalam Islam diasingkan dari kehidupan umpama membina tembok utuh yang memisahkannya. Lantaran itu, kita dapat lihat Islam hanya di masjid dan surau-surau, di luarnya, judi, arak, rasuah, maksiat melata dalam kehidupan masyarakat kita. Benarlah apa yang dimaksudkan oleh hadith tersebut Islam hanya diambil pada waktu dan ketika tertentu. Tatkala susah baru diingatnya Islam, ketika senang dengan nikmat, maksiat dan dosa berleluasa. Inilah sebenarnya ancaman halus yang sedang menyerang dan ternyata kita sama sekali tidak menyedarinya.

Unsur yahudi begitu tebal dalam masyarakat kita. Paling nyata, rokok yang orang kita hisap. Setiap satu batang itu ada saham kepada puak Yahudi. Tidak ada kilang rokok yang bukan Yahudi punya. Sesiapa yang hendak berhenti, ambil ini sebagai iktibar. Yahudi punya gerakan, baru letak sebiji bola, 70 ribu orang Islam di stadium tidak sembahyang. Itu belum termasuk yang menonton di rumah. Gerakan Kristian lebih terancang dan terpinci lagi. Sejak kalah dalam perang salib terakhir, taitu dalam pemerintahan King ke 6 terakhir. Sebelum dia mati, dia telah berwasiat dan wasiatnya ada ditulis dengan emas di London . Dia berkata: "Kepada semua pemimpin-pemimpin Kristian, kita hari ini telah melakukan kesilapan besar, kita berperang dengan tentera Islam dengan pedang, bukan berperang dengan akidah yang ada pada mereka. Sebab tu Islam menang walaupun 30 ribu tentera mereka dengan 300 ribu tentera kita, mereka tetap menang sebab mereka (orang Islam) berperang kerana nak mati. Kita perang untuk hidup. Oleh itu, hendaklah kita tukar strategi. Melancarkan peperangan ideologi, fahaman dan budaya ke atas orang Islam.

Wasiatnya berjaya dilaksanakan setelah King itu mati. Sebab gerakan Kristian berdasarkan kepada 3G. GOSPEL, GLORY, GOAL. Pertama kitab dia, kedua kekayaan kita, ketiga menang terhadap Islam. Kalau kita imbas sejarah, Alfonso De Albuquerque bukan datang ke Tanah Melayu bawa tukang masak sebab hendak rempah kari kita. Dia bukan makan kari, dia datang bawa mubaligh Kristian untuk menyebarkan dakyah. Caranya, dia guna kaedah "garam dan ragi". Garam sebagai perasa, ragi untuk penapaian. Contohnya ubi kayu.

Waktu siang asalnya ubi kayu kita letak ragi, esoknya masih lagi bentuk ubi kayu tapi sebenarnya tapai. Maksudnya, dia kekalkan orang Melayu dengan identiti Islam. Hakikatnya, kehidupan kita bukan cara Islam lagi.

Maksud Hadith Rasulullah S.A.W. : "Mereka yang tidak memikirkan masalah umatku BUKAN dari kalangan ummatku". Kini, siapa lagi yang kita harapkan untuk mendokong perjuangan Islam? siapa lagi yang hendak membimbing dan menyokong kita? melainkan atas inisiatif kita sendiri untuk melaksanakannya. Pepatah 'jaga tepi kain orang' perlu kita terjemahkan dalam bentuk yang positif, atas dasar kasih sayang dan ukhuwah kita saling membimbing antara satu sama lain. Barulah dakwah dapat direalisasikan walaupun akhirnya kubur kita berasingan. Inilah kesatuan yang perlu kita bentuk, bukan dakwah itu atas pilihan atau fahaman tertentu sahaja. Allah tidak amanahkan Islam, al-Quran dan Sunnah ini kepada penguasa tetapi Allah amanahkan kepada setiap individu muslim. Allah S.W.T berfirman: "Kami wariskan al-Quran itu kepada hamba-hamba Kami yang terpilih iaitu yang beriman kepada Allah". Akhir kalam, risalah ini sekadar meniuapkan semangat perjuangan dalam diri kita yang mengaku Islam. Inilah masanya kita bangkit pertahankan agama Islam sebelum terlambat. Di harap rahmat Allah dan doa-doa para waliul-lah dapat melindungi kita sehingga kita kembali ke sisi-Nya. Sementara itu, berhati-hatilah dalam apa jua yang kita lakukan dan sentiasa beringat kepada Allah.



Bingkisan Hadith...

Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mengasihinya hambanya yang bersifat Taqwa, kaya jiwa serta tidak menjonjolan diri (merendah diri walaupun berpangkat tinggi)". Yang dimaksudkan dengan kaya disini ialah kaya jiwa bukan kaya harta sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith.

Huraian:

1. Tiga perkara yang apabila dilakukan oleh seseorang maka ia dikasihinya Allah SW.T.
 - 1) Bertaqwa
 - 2) Kaya Jiwa (Berakhlak mulia)
 - 3) Tidak menonjolan diri

2. Islam menyuruh umatnya supaya bertaqwa kepada Allah dan mempunyai sifat-sifat yang mulia dan berbudi bahasa, jangan bersifat sombong, ego dan sebagainya yang boleh menjatuhkan dan merendahkan mertabat kemuliaan manusia itu sendiri.

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)